Asal Usul Bajau Kota Belud atau Bajau Sama Sabah: Warisan Sumatera, Brunei dan Perjuangan dalam Sejarah Melayu dan Anti-Penjajah

Pengenalan

Kaum Bajau Sama Sabah, khususnya yang berpangkalan di Kota Belud (dahulu dikenali sebagai Negeri Tampasuk / Tempasuk, merupakan salah satu kumpulan etnik yang membentuk asas budaya, ekonomi dan sejarah negeri Sabah. Mereka bukan sekadar pelaut dan petani, tetapi juga penunggang kuda yang handal, pembuat senjata, penyair, dan pejuang kemerdekaan.

Ada sejarah banyak memberi tumpuan kepada pengaruh Filpina (SuluMindanao), namun sejarah lisan dan salasilah keluarga mendedahkan bahawa sebahagian besar keturunan Bajau Kota Belud berasal dari Sumatera dan Brunei. Tambahan pula, mereka terlibat secara langsung dalam sejarah penting seperti Perang Pandasan 1915, satu kebangkitan terhadap penjajahan British Dan Perang Tanjung Pinang Raja Ismail Tampasuk membantu Sultan Johor melawan Belanda.

Asal Usul Moyang dan Penyebaran Awal

Pangiran Dusin, anak kepada Puteri Delima dari Brunei, adalah antara moyang penting dalam salasilah keluarga Bajau Sama Kota Belud.

Moyang lain termasuk: Embo Duaming, Embo Akil, Embo Hashim, Embo Nabi, Embo Linau dan ramai lagi.

Kawasan awal penempatan: Kampung Gunding, Kg Linau, Kg Tempasuk, Kg Pandasan, Kg Taungusi, Kg Pirasan, Kg Menunggui, Kg Pangkalan, Kg Kuala Abai, Kg Kulambai, Kg Labuan, Kg Suang Punggur, Kg Lebak Engad, Kg Lebak Moyo, Kg Kesapang, Kg Penampang, Kg Tambilaung, Kg Sembirai, Kg Siasai, Kg Kota Belud, Kg Paka Paka, Kg Ambong, Kg Lok, Kg Rajuna dan lain-lain.

Migrasi berlaku dari Sumatera ke Borneo melalui Kalimantan, dan dari Brunei ke Tempasuk.

Penyebaran Kaum Bajau Sama ke Daerah Sabah

Orang Bajau Sama berkembang dari Kota Belud ke:

Tuaran, Kudat, Kota Kinabalu, Papar, Putatan, Kinarut

Kota Marudu, Kuala Penyu, Keningau
Mereka menamakan kaum mereka sebagai Jomo Sama, dan dikenali oleh kaum Dusun sebagai Tulun Sama.

Perang Pandasan 1915: Pejuangan Bajau Sama Menentang British

Apa Itu Perang Pandasan?

Berlaku pada tahun 1915 di Kg Pandasan, Kota Belud.

Orang Bajau Sama dan bersama kaum lain bangkit menentang penjajahan British yang menindas hak adat dan sistem hidup tradisi mereka.

Penentangan berlaku kerana pengambilan tanah, pengenalan cukai berat, dan campur tangan dalam urusan tempatan.

Perang Tanjung Pinang 1781: Pejuangan Bajau Sama Menentang Belanda

Berlaku pada tahun 1781 Apabila Sultan Mahmud Shah meminta bantuan Raja Ismail Tampasuk untuk memerangi kedudukan BELANDA di Tanjung Pinang wilayah Johor.

Tokoh & Impak:

Ramai pemuda dan tokoh kampung mempertaruhkan nyawa demi mempertahankan tanah air.

Menjadi antara siri pertama kebangkitan bersenjata anti-penjajah di pantai barat Sabah, sebelum munculnya gerakan nasionalis yang lebih tersusun.

> "Perang Pandasan membuktikan bahawa orang Bajau Sama bukan hanya penjaga adat, tetapi juga pahlawan yang sanggup mati demi maruah dan tanah nenek moyang mereka."

>” BAYA NI MATAI ENTORONG BUJAK DA’ MATAI TENINDAK TINDAK” antara slogan agung orang Bajau Sama. Dan lainnya berbunyi “SIAN BANI MANANG” serta “ SETEMU SERATI DEMBUA KITI”

Ekonomi Tradisi: TAMU & MIYOLON ENSAMBIYAN

Sejak 1878, Tamu Kota Belud menjadi pusat perdagangan antara Bajau, Dusun, Iranun dan lain-lain kaum.

Sistem barter dikenali sebagai “Miyolon Ensambiyan” — simbol perpaduan dan interaksi ekonomi tanpa mata wang.

Budaya & Kesenian Tradisi

Tarian:

Limbai dan Runsai – tarian rasmi masyarakat Bajau Sama.

Lagu Tradisi:

Manuk Manuk Lembukun, Seliu, Belud Bendira, Runsai Si Dawi Dawi, Runsai Samba Sama. Antara lagu rakyat yang popular.

Makanan Tradisional:

Kuih Bikang, Buas Diing Pansak, Buas Diing Liking, Pecal, Penjaram, Kalas, Jala dll.

Pakaian & Hiasan:

Lelaki: Podong, Tanjak Pendikar, Tandak Bekuda

Perempuan: Serimpak (mahkota)

Pusat Kebudayaan Rumpun Bajau Sama Sabah (Tuaran)

Bangunan ini adalah pemberian kerajaan kepada kaum Bajau Sama yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2022.

PRBSS setiap tahun menganjurkan:

Festival Kebudayaan Bajau Sama Spt - Ratu Serimpak, Tanjak Pahlawan, Usungan, Polo Kuda

Lumba Kerbau, Tarik Tali, Silat Sama, Sipak Manggis, Soromas, Dll.

Tokoh-Tokoh Bajau Sama Sabah

Pemimpin & Ahli Politik:

Tun Said Keruak, Tun Ahmad Shah, Datuk Seri Hajiji Hj Noor, Datuk Salleh Said Keruak, Datuk Osu Sukam, Datuk Musbah Jamli, Datuk Hanjan Samit, dll.

Seniman & Artis:

Arbis Sidek, Ak Muhidddin, Dino Menara, Rudah Sawang, Rosmawar, Raida Banda, Adam AF, Qalisya Mentor, Bquexx, Jj sham dll.

Adat & Rohani:

DUANG atau NGEDUANG – Adat pemberian makanan/sedekah selepas kematian.

PENDAKWAH yang berada di Kota Belud seperti Syeikh Muhammad Zaini Al Pelembani menandakan kekuatan tradisi keagamaan Islam dalam masyarakat Bajau Sama.

Penutup

Kaum Bajau Sama Kota Belud bukan hanya saksi kepada sejarah — mereka adalah pelaku utama dalam pembinaan negeri Sabah. Asal usul dari Sumatera, Riau dan Brunei, penyebaran budaya, kekuatan ekonomi tamu, dan perjuangan seperti Perang Pandasan (Pimpinan Syarif Ali), Perang Tanjung Pinang Johor (Pimpinan Raja Ismail), semuanya menjadikan mereka salah satu tiang warisan budaya Malaysia.

> “Kami bukan datang ke Sabah — kami adalah Sabah.”

>puteraJomoSama<